



---

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

**PEKELILING CIDB BIL 1/2020**

**PELAKSANAAN PENILAIAN SCORE-CIDB KEPADA SEMUA KONTRAKTOR G7**

## **1.0 TUJUAN**

Pemakluman kepada semua kontraktor G7 yang berdaftar di bawah Akta 520, bahawa Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mewajibkan penilaian SCORE bagi tujuan pembaharuan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) atau Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) bermula pada 1 April 2020.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

Program Penilaian Keupayaan dan Kemampuan Kontraktor (SCORE) yang di perkenalkan oleh CIDB merupakan satu program khusus yang dibangunkan oleh CIDB dengan kerjasama SME Corp. Program ini membolehkan keupayaan dan kemampuan kontraktor di Malaysia diukur bagi mempertingkatkan imej industri pembinaan. Program ini juga selaras dengan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020 yang berteraskan 'Meningkatkan Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme Industri Pembinaan'.

SCORE-CIDB dilaksanakan dengan menganalisa jawapan-jawapan yang diberikan oleh kontraktor terhadap 7 parameter yang ditetapkan. 7 parameter tersebut adalah :

- i. Prestasi Perniagaan
- ii. Keupayaan Kewangan
- iii. Keupayaan Teknikal
- iv. Pengurusan Projek
- v. Pengurusan Perolehan
- vi. Amalan Terbaik
- vii. Keupayaan Pengurusan

### **3.0 OBJEKTIF PENILAIAN**

- a. Untuk memberi pengiktirafan kepada kontraktor yang mempunyai keupayaan dan kemampuan dalam aspek Prestasi Perniagaan, Keupayaan Kewangan, Keupayaan Teknikal, Pengurusan Projek, Pengurusan Perolehan, Amalan Terbaik dan Keupayaan Pengurusan.
- b. Untuk mengenal pasti jurang prestasi dan seterusnya membantu kontraktor meningkatkan keupayaan dan kemampuan mereka.
- c. Untuk membangunkan profil industri bagi mengenal pasti tahap keupayaan kontraktor tempatan dan mengukur perbandingan antara kontraktor tempatan dan kontraktor asing.
- d. Untuk membantu pihak klien dalam pemilihan kontraktor yang berkaliber dan berkeupayaan tinggi.

### **4.0 TATACARA PELAKSANAAN**

Semua kontraktor G7 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) atau Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dikehendaki untuk membuat penilaian SCORE secara atas talian di [cims.cidb.gov.my](http://cims.cidb.gov.my). Garis panduan berkenaan dengan program SCORE boleh dimuat turun di laman sesawang CIDB, di [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my).

### **5.0 SEMAKAN PEMATUHAN KONTRAKTOR (CCA)**

CIDB akan menjalankan Semakan Pematuhan Kontraktor (CCA) terhadap kontraktor yang telah membuat penilaian SCORE setelah Surat Pemakluman Semakan Pematuhan dikeluarkan kepada Kontraktor tersebut.

Pihak CIDB berhak membatalkan sijil SCORE mana-mana kontraktor yang gagal mengemukakan atau memalsukan dokumen semasa sesi CCA dijalankan.

### **6.0 KOS PENILAIAN**

Fi pemprosesan bagi penilaian SCORE ini adalah sebanyak Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) sahaja.

## 7.0 IMPLIKASI KETIDAKPATUHAN

Kontraktor tidak layak untuk membuat pembaharuan Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) atau dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) tanpa sijil SCORE.

## 8.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini terpakai dan berkuat kuasa mulai 1 April 2020.

## 9.0 PEMBATALAN

Pekeliling Bil 1/2017 adalah dibatalkan.

## 10.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan pekeliiling ini boleh dirujuk kepada :

**Pengurus Besar**  
**Bahagian Pendaftaran Kontraktor & Levi**  
**Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**  
**Tingkat 10, Sunway Putra Tower**  
**No. 100 Jalan Putra**  
**50350 Kuala Lumpur**  
**Tel : 03-4047 8120 / Fax : 03-4047 8100**



(Datuk Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid)  
Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh : 5 Februari 2020